

1974

KUALA LUMPUR, 19 NOV. (BERNAMA) — MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MENYERU PARA GURU TERMASUK GURU-GURU UGAMA DAN PARA CENDEKIAWAN SUPAYA MENGEMUKAKAN CADANGAN DAN SYOR BERSIFAT KEBANGSAAN TENTANG CARA-CARA YANG BETUL MELAKSANAKAN DASAR PELAJARAN.

KATANYA, CADANGAN DAN SYOR TERSEBUT HENDAKLAH BERTUJUAN MEMBENTUK SATU BANGSA YANG BERSATU PADU DAN MAJU DALAM SEGALA BIDANG KEHIDUPAN BERLANDASKAN PRINSIP-PRINSIP RUKUNEGARA DAN TIDAK MENGUTAMAKAN SEMATA-MATA KEPENTINGAN SESUATU GOLONGAN SAJA.

BELIAU TELAH BERUCAP MERASMIKAN KURSUS DALAM PERKHIDMATAN BAGI GURU-GURU UGAMA BERIJAZAH DI MAKTAB PERGURUAN BAHASA DI SINI HARI INI.

KATANYA, KAUM GURU JUGA PERLU MENUMPUKAN PERHATIAN DAN FIKIRAN TERHADAP MASAALAH PELAJARAN, KEMAJUANNYA DAN PERKEMBANGANNYA TERMASUK PENDIDIKAN UGAMA ISLAM, DEMI MENENTUKAN NASIB JENERASI BANGSA DAN NEGARA PADA MASA DEPAN.

MENYEBUT TENTANG PENDIDIKAN UGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH, BELIAU BERKATA DIDIKAN ITU SANGAT PENTING KERANA IA DAPAT MEMBERI KESAN KEPADA PERIBADI JENERASI AKANDATANG UNTUK MENGHADAPI CABARAN ZAMAN.

KATANYA, PARA GURU TERUTAMA SEKALI GURU-GURU UGAMA ADALAH SANGAT DIHARAPKAN MENGAMBIL PERHATIAN BERAT PADA MEMBERIKAN DIDIKAN DISIPLIN DAN SOPAN SANTUN KEPADA MURID-MURID SUPAYA MEREKA TERLATIH DENGAN SIFAT-SIFAT TERSEBUT DALAM KEHIDUPAN MEREKA DI MASA DEPAN. --BERSAMBUNG 1535/IK

138

TAMBAHNYA, SIFAT-SIFAT TERSEBUT SANGATLAH PENTING KEPADA RAKYAT NEGARA INI YANG SEDANG MEMBANGUN UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA YANG MAJU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SESEBUAH NEGARA YANG TIDAK BERDISIPLIN AMATLAH SUKAR BAGINYA MENCAPAI KEMAJUAN MALAH KEMAJUAN YANG TELAH DIPEROLEHI DARI NENEK MOYANG MEREKA AKAN MUSNAH KELAK.

PADA MASA INI SETENGAH GOLONGAN BELIA TIDAK MEMPUNYAI DISIPLIN MORAL KERANA MEREKA TIDAK MENDAPAT DIDIKAN UGAMA YANG SEMPURNA.

OLEH YANG DEMIKIAN KEMENTERIAN PELAJARAN MENGADAKAN KURSUS SAPERTI INI UNTUK GUUR-GURU UGAMA BERIJAZAH BAGI MELENGKAPKAN LAGI KEMAMPUAN DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN MEREKA SUPAYA DAPAT MENYAMPAIKAN PELAJARAN UGAMA DENGAN LEBIH SEMPURNA. --
BERNAMA 1540/IK